

Sukan Mampu Satukan Masyarakat Tanpa Kira Usia, Bangsa Dan Etnik – Najib Bernama
19 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak percaya bahawa sukan adalah salah satu daripada kuasa yang paling kuat dalam menyatukan masyarakat tanpa mengira usia, bangsa dan etnik.

"Perpaduan melalui sukan ini boleh disaksikan di Malaysia dan salah satu perkara terbesar yang menyatukan kita dalam kepelbagaian kita ialah keghairahan untuk bola sepak," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam entri terbaru berjudul 'Malaysia Lwn Man City', sebuah acara untuk ditonton oleh semua, di blognya www.1Malaysia.com.my, Khamis.

Katanya keghairahan itu dapat dilihat bulan lalu apabila jutaan rakyat Malaysia memenuhi setiap restoran mamak pada awal pagi semata-mata kerana mahu menonton siaran langsung Kejohanan Bolasepak Euro 2012.

"Suasana sama sekali lagi boleh dilihat pada hujung bulan ini apabila skuad kebangsaan kita akan bertemu juara Liga Perdana Inggeris, Manchester City di Bukit Jalil.

"Saya berpendapat, adalah penting bagi setiap peminat bola sepak dari segenap lapisan masyarakat untuk berpeluang hadir ke stadium dan memberi sokongan padu kepada skuad kebangsaan," katanya.

Manchester City akan mengadakan perlawanan persahabatan menentang skuad Harimau Muda di Stadium Nasional, Bukit Jalil, pada pukul 9.30 malam, 30 Julai ini.

Perdana Menteri juga melahirkan rasa gembiranya kerana sebanyak 50,000 keping tiket kini dijual pada harga RM10 iaitu harga yang mampu dimiliki oleh semua.

"Penjualan harga tiket pada harga yang rendah ini mampu dilaksanakan hasil daripada hubungan rapat antara Malaysia dan pemilik Manchester City, iaitu Abu Dhabi.

"Saya amat berbesar hati apabila mereka mengumumkan yang sebahagian besar daripada hasil penjualan tiket itu akan disumbangkan untuk tujuan amal. Sebanyak 60 peratus akan

disalurkan kepada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) iaitu sebuah yayasan yang melabur dalam bidang pendidikan dan penjagaan kesihatan di seluruh negara," kata Najib.

Minggu lalu, Perdana Menteri berkata beliau ada membuat kenyataan melalui laman Twitter bahawa sebanyak 15,000 pertama daripada tiket itu akan dijual bersempena dengan perlawanan 1Malaysia 4 Youth (1M4U) di KLCC, Ahad lalu.

Berikutan itu, katanya sambutan yang diterima begitu menggalakkan apabila sebahagian besar daripadanya berjaya dijual pada hari program tersebut.

"Sekiranya anda tidak berpeluang untuk membelinya pada hari tersebut, tidak perlu bimbang kerana tiket pada harga yang murah itu masih boleh diperolehi dan mereka yang berminat perlu masuk ke laman sesawang 1MDB," katanya.

Lagipun, Najib berkata beberapa tiket dengan harga RM108 dan RM388 juga akan diberi secara percuma kepada pembaca blog ini iaitu www.1Malaysia.com.my.

"Untuk memohon, anda hanya perlu mengisi maklumat anda dan mengambil tiket anda. Dengan pendaftaran itu, anda juga berpeluang memenangi jersi eksklusif Manchester City yang ditandatangani oleh pemain-pemainnya," jelasnya.

Najib juga memberi pengiktirafan dan penghargaan itu sebagai tanda persahabatan dari Abu Dhabi.

"Saya harap hubungan baik ini akan bertambah erat meskipun sekiranya pasukan kebangsaan mampu menewaskan Manchester City pada perlawanan itu nanti," katanya.

Tiket perlawanan boleh dibeli dengan menghubungi Ticket-Pro di talian 03-7880-7999.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682032>

